

Penyelesaian konflik Palestin - Israel mestilah menyeluruh, adil

AS perlu jujur — Abdullah

Um - 23/4/2004, m/s: 1, 4

Oleh LOKMAN OTHMAN dan HATA WAHARI

PUTRAJAYA 22 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendesak Amerika Syarikat (AS) menjadi orang tengah dalam mencari penyelesaian kepada konflik berpanjangan Palestin dan Israel.

Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, AS akan mengecewakan masyarakat dunia sekiranya negara itu menjauhkan diri daripada menjadi orang tengah yang jujur bagi menyelesaikan konflik tersebut.

“Sewajarnya, AS menggunakan sepenuhnya keupayaan diplomatik untuk mencapai penyelesaian yang menyeluruh, adil dan berpanjangan bagi Palestin,” tegasnya ketika merasmikan Mesyuarat Khas OIC Mengenai Timur Tengah, di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini hari ini.

- Deklarasi OIC — Muka 2
- Malaysia ketua delegasi OIC temui kumpulan empat — Muka 12

Mesyuarat khas OIC bermula di tengah-tengah keganasan memuncak di Timur Tengah yang meragut beribu-ribu nyawa dengan kejadian terbaru di ibu negara Arab Saudi, Riyadh yang mengorbankan 10 nyawa dan di Basra, Iraq yang meragut 68 nyawa serta ketika keadaan kucar-kacir di Palestin apabila para pemimpin Palestin kini menjadi sasaran pembunuhan tentera Israel.

Ia dihadiri oleh 13 negara termasuk Troika OIC iaitu Qatar, Malaysia, Senegal serta 11 negara anggota iaitu Sudan, Iran, Turki, Guinea, Pakistan, Palestin, Maghribi, Arab Saudi, Iraq dan Indonesia serta Setiausaha Agung OIC, Abdelouahed Belkeziz.

Qatar diwakili oleh Penolong Menteri Luar Saif Moqadam Al-Buaineen, Malaysia oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Senegal oleh Duta Besarnya ke Malaysia, Amadou Faye.

■ Lihat muka 4



ABDULLAH AHMAD BADAWI diiringi oleh Syed Hamid Albar, Musad Muhammed Al-Aiban (kanan), Mian Khurshid Mahmud Kasuri (tengah) dan delegasi lain tiba di Pusat Konvensyen Putrajaya untuk merasmikan Mesyuarat Khas Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Mengenai Timur Tengah, semalam. — Gambar AP